

Rampas dadah RM25j di dua negeri

Kuala Lumpur: Dua sindiket penyeludupan dan pengedaran dadah bagi pasaran antarabangsa berjaya ditumpaskan polis selepas merampas methamphetamine, heroin serta pil ekstasi bernilai RM25.3 juta di Selangor dan Kedah.

Menerusi operasi yang dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman sejak kelmarin hingga awal pagi kelmarin menahan tiga lelaki dan seorang wanita tempatan berusia antara 25 sehingga 39 tahun.

Pengarah JSJN Bukit Aman Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay (*gambar*) berkata, kesemua dadah berkenaan diseludup dari negara 'segitiga emas' untuk diseludup ke Indonesia.

Menurutnya, tangkapan pertama dilakukan terhadap seorang lelaki di sekitar

248.7kg
Berat
methamphetamine
RM8.95j dirampas

Selangor pada kelmarin dan hasil serbuan itu pelbagai dadah yang dianggarkan bernilai RM16.4 juta dirampas.

"Dalam dua lagi serbuan yang dilakukan di sekitar Selangor dan Kedah, kita tahan tiga lagi suspek dan merampas sebanyak 248.7 kilogram dadah jenis methamphetamine bernilai RM8.95 juta," katanya ketika sidang media di Bukit Aman di sini, kelmarin.

Ayob berkata, kedua sindiket terbabit dipercayai aktif sejak hujung tahun lalu dan dipercayai mendapat



bekalan dadah dari Thailand, Laos dan Myanmar serta akan dijual untuk pasaran Indonesia.

"Modus operasi yang digunakan sindiket itu adalah dengan menjadikan premis kediaman sebagai tempat menyimpan dadah sebelum diseludup ke negara jiran untuk pasaran antarabangsa dan diedar untuk pasaran tempatan," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua

kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan kesemua suspek direman selama tujuh hari bermula kelmarin dan semalam bagi membantu siasatan.

"Tindakan juga diambil mengikut ADB (Perlucuthakan Harta) 1988, di mana polis setakat ini sudah menyita aset sindiket yang dianggarkan bernilai RM360,000 iaitu kereta Toyota Fortuner, Kia Optima, Mitsubishi Triton dan Ford Ranger," katanya.

Ayob Khan menegaskan akan meneruskan siasatan bagi mengesan baki ahli sindiket itu untuk dibawa ke muka pengadilan serta berharap masyarakat akan terus menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pengedaran dadah yang berlaku dalam komuniti.